

# P.M lancar Amanah Saham Didik

BH 21 APR 2001

KOTA BHARU, Jumaat – Permodalan Nasional Berhad (PNB) memperkenalkan saham amanah ketujuhnya, Amanah Saham Didik (ASD), bertujuan membantu Bumiputera menyimpan wang untuk membiayai masa depan pendidikan anak mereka.

ASD, yang mempunyai saiz dana 300 juta unit, menawarkan seunit saham pada harga RM1 dengan jumlah pelaburan antara 100 hingga 100,000 unit.

Ia dibuka khusus kepada Bumiputera berusia 18 tahun ke atas, yang melabur bagi diri sendiri serta ibu bapa atau penjaga sah berusia tidak kurang

18 tahun, melabur bagi pihak kanak-kanak berusia enam bulan hingga 17 tahun.

Saham amanah terbaru itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 peringkat kebangsaan, di sini hari ini.

Pelaburan ASD boleh dibuat menerusi caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sehingga 1,000 unit selain urusan niaga menggunakan buku pelaburan di semua ejen Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

Sebelum ini, PNB melancar

dan menguruskan Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), Amanah Harta Tanah PNB (AHP), Amanah Saham Nasional 2 (ASN2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM).

Berucap melancarkan dana itu, Dr Mahathir yakin ASD akan mendapat sambutan di kalangan pelabur.

Beliau berharap ASD membolehkan ibu bapa merancang pembiayaan pendidikan bagi anak mereka dari awal lagi kerana kos menampung perbelanjaan pendidikan akan mening-

kat pada masa akan datang.

"Inilah tujuan pelancaran ASD, walaupun ramai berpendapat yuran belajar anak Bumiputera perlu ditanggung oleh kerajaan tanpa apa-apa syarat.

"Walaupun dapat kita tanggung bayaran yuran ini, tidak dapat tidak anak-anak kita perlu kepada sumber kewangan daripada ibu bapa juga. Sebab itu, apabila kita melabur dalam ASD ini, kita harap duit ini dapat digunakan untuk membantu anak, sama ada dapat atau tidak biasiswa," katanya.

Perdana Menteri berkata, tabiat menabung untuk masa de-

pan adalah amalan yang amat baik dan harus lakukan bukan kerana disuruh, tetapi kerana ia membawa kebaikan.

"Saya yakin ASD akan mendapat sambutan baik dari rakyat kerana saham amanah bukan saja untuk menabung, tetapi kita juga akan dapat keuntungan daripadanya," katanya.

Beliau berkata, PNB, yang dipertanggungjawabkan mengurus saham amanah bagi Bumiputera, berjaya mengumpul RM37 bilion hasil pelaburan Bumiputera dan menguruskannya dengan baik. PNB juga berjaya mengeluarkan dividen kira-kira RM31 bilion.